

KEPERLUAN PERKHIMATAN E-KAUNSELING BERASASKAN LAMAN WEB
DI KALANGAN PELAJAR SARJANA PENDIDIKAN TEKNIK DAN
VOKASIONAL (PTV) DI KUITTHO



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN

MOHD HOIRIE BIN ABDUL MANAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

02/02

PERPUSTAKAAN KUI TTHO
3 0000 00079330 1



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA

JUDUL : KEPERLUAN PERKHIDMATAN E-KAUNSELING BERASASKAN
LAMAN WEB DI KALANGAN PELAJAR SARJANA PENDIDIKAN
TEKNIK DAN VOKASIONAL (PTV) DI KUITTHO

SESI PENGAJIAN : 2002/03

Saya : MOHD HOIRIE BIN ABDUL MANAH
(HURUF BESAR)


mengaku membenarkan Projek Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti
Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-


1. Projek Sarjana adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Projek Sarjana ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ()

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau
Kepentingan Malaysia seperti termaktub di dalam AKTA
RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh
organisasi/ badan di mana penyeldikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)



Disahkan oleh


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat tetap :

Kg. Kuala Kelo
27400 Dong, Raub
Pahang Darul Makmur
Tarikh : 24/09/2002

En. Abdullah Bin Sulaiman

Nama Penyelia
Tarikh : 24/09/2002

**“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini
adalah memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”**

Tandatangan :
Nama Penyelia : En. Abdullah Bin Sulaiman
Tarikh : 24 SEPTEMBER 2002



PTT ALIATHM
PERPUSTAKAAN TUNJUNU TUN AMINAH

**KEPERLUAN PERKHIDMATAN E-KAUNSELING BERASASKAN LAMAN WEB
DI KALANGAN PELAJAR SARJANA PENDIDIKAN TEKNIK DAN
VOKASIONAL (PTV) DI KUITTHO**

MOHD HOIRIE BIN ABDUL MANAH

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional**

**Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

SEPTEMBER 2002



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang
tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan

:

.....


Nama Penulis

:

Mohd Moirie Bin Abdul Manah

Tarikh

:

24 SEPTEMBER 2002



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

DEDIKASI

*Untuk keluarga tersayang dan insan tersayang serta
rakan-rakan seperjuangan
Terima kasih kerana sentiasa di sisi.*

*When I look into your eyes
I can see a love restrained
But darling
When I hold you
Don't you know I feel the same
But nothing lasts forever
And we both know hearts can change*

*We've through this a long, long time
Just trying to kill the pain,
Lovers always come, and lovers always go
But no one really sure
Who's letting go today
Walking away*

*We could take the time
To take it on the line
I could rest my head
Just knowing you're mine all mine*

*So if you really love me
Than darling please don't refrain..*

PTT ALITHM
PERPUSTAKAAN TUNKUS TUN AMINAH



PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, dengan rahmat dan keizinanNya penulis telah berjaya menghasilkan satu kajian yang bertajuk "Keperluan Perkhidmatan e-kaunseling Berasaskan Laman Web di Kalangan Pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasioanl." Berkat sokongan dan bantuan dari pelbagai pihak, maka kajian ini dapat disempurnakan dengan sebaik mungkin.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia kajian ini, En. Abdullah Bin Sulaiman di atas segala tunjuk ajar, komentar dan dorongan yang diberikan sepanjang penulis menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada keluarga dan orang tersayang kerana telah memberi sokongan yang tidak terhingga dalam mencapai kejayaan ini. Tiada mereka, siapalah diri saya ini. Semoga dengan berkat kesabaran dan doa restu dari semua diharap penulis berjaya dengan cemerlang di dunia dan di akhirat.

Akhirnya, ucapan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan penyelidikan ini. Semoga sumbangan dan jasa baik kalian mendapat rahmat dariNya.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengetahui keperluan kaunseling berasaskan laman web yang digunakan sebagai medium perantaraan dalam sesi kaunseling. Ia adalah satu alternatif bagi menyokong kepada kaunseling secara bersemuka. Responden terdiri daripada 104 orang pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) KUiTTHO. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kaunseling berasaskan laman web diperlukan bagi membantu kaunseling secara bersemuka bagi membantu pelajar menyelesaikan masalah. Kajian ini difokuskan kepada pengetahuan pelajar tentang laman web, pengaruh jantina kaunselor, pandangan pelajar dan keperluan e-kaunseling. Cadangan juga diberikan di akhir bab bagi membaiki sesi kaunseling berasaskan web supaya lebih baik dan berkesan.

ABSTRACT

The aim of this study is to know requirement web based counseling to applying the web as a medium in counseling process. Web-based counseling is a concept in using or applying the web as a medium in counseling process. That one of the alternative that has been used widely by the higher institution in supporting the counseling process. For this purpose, 104 students from Master Technical Education students from third semester. The subject are required to answer a set of questionnaire by the instruments. Hence, from this findings, it is apparent that requirement of web based counseling. This research focused on such as knowledge concept of web-based counseling, student perception of counseling, gender influence of counselor and requirement of e-counseling. Suggestions also given at the end of this research to improve web-based counseling that can lead to the enhancement of the counseling process.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
------------	----------------	-------------------

BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA

HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA

HALAMAN JUDUL i

HALAMAN PENGAKUAN PENYELIDIK ii

HALAMAN DEDIKASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xi

SENARAI RAJAH xii

SENARAI SINGKATAN xiii

SENARAI LAMPIRAN xiv

BAB I	Pengenalan	
--------------	-------------------	--

1.0 Pendahuluan 1

1.1 Latar belakang masalah 3

1.2 Penyataan masalah 4

1.3 Tujuan kajian 5

1.4 Soalan kajian 6

- 1.5 Kerangka teori
- 1.6 Kepentingan penyelidikan
- 1.7 Skop kajian
- 1.8 Batasan kajian
- 1.9 Definisi istilah
 - 1.9.1 Kaunseling berasaskan web (KBW)
 - 1.9.2 Laman web
 - 1.9.3 Internet
 - 1.9.4 Perbezaan individu
 - 1.9.5 Bimbingan
 - 1.9.6 Kaunselor
 - 1.9.7 Kaunseling

BAB II SOROTAN KAJIAN

- 2.0 Pengenalan
- 2.1 Perkhidmatan kaunseling
 - 2.1.1 Rasional mengadakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling
 - 2.1.2 Bimbingan pelajaran
 - 2.1.3 Bimbingan kerjaya
 - 2.1.4 Bimbingan peribadi dan sosial
- 2.2 Internet
- 2.3 Laman web
- 2.4 Definisi pembelajaran melalui web
- 2.5 Pembelajaran melalui web
- 2.6 Model-model web pengajaran dan pembelajaran
- 2.7 Komunikasi antara pelajar
- 2.8 *Internet Classroom Assistant (ICA) Nicenet*
- 2.9 Perkhidmatan kaunseling
- 2.10 Bimbingan dan kaunseling



2.11	E-kaunseling	23
2.12	Kesimpulan	24

BAB III METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0	Pengenalan	25
3.1	Kaedah Kajian	25
3.2	Responden	26
3.3	Instrumen kajian	26
	3.3.1 Kajian rintis	27
3.4	Kaedah analisis data	28
3.5	Analisis data daripada soal selidik	28
	3.5.1 Peratusan	29

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	30
4.1	Analisis kebolehpercayaan	30
4.2	Dapatan kajian	31
4.3	Analisis bahagian A	32
	4.3.1 Jantina	32
	4.3.2 Umur responden	33
	4.3.3 Bangsa	34
	4.3.4 Nilai mata terkumpul (CGPA)	35
	4.3.5 Semester pengajian	36
4.4	Analisis bahagian B	37
	4.4.1 Pandangan pelajar terhadap bimbingan dan kaunseling	37
	4.4.2 Jantina kaunselor boleh mempengaruhi sikap pelajar terhadap bimbingan dan kaunseling	39

- 4.4.3 Pengetahuan pelajar mengenai kaunseling berasaskan web
- 4.4.4 Keperluan e-kaunseling

BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

- 5.0 Pendahuluan
- 5.1 Perbincangan
 - 5.1.1 Pandangan pelajar sarjana (PTV) terhadap bimbingan dan kaunseling
 - 5.1.2 Jantina kaunselor boleh mempengaruhi sikap terhadap bimbingan dan kaunseling
 - 5.1.3 Pengetahuan pelajar mengenai kaunseling berasaskan web
 - 5.1.4 Keperluan e-kaunseling
- 5.2 Kesimpulan
 - 5.2.1 Cadangan
 - 5.2.2 Cadangan pembaikan
 - 5.2.3 Cadangan kajian selanjutnya
- 5.3 Model rekabentuk e-kaunseling

SENARAI DOKUMEN RUJUKAN

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A-D

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Bilangan sampel	26
3.2	Jawapan skala likert	27
3.3	Penggabungan skala keputusan data soal selidik	28
3.4	Tafsiran min dan tahap penerimaan pelajar	29
4.1	Bilangan jantina	32
4.2	Peringkat umur responden	33
4.3	Bilangan responden mengikut bangsa	34
4.4	Tahap pencapaian akademik berdasarkan CGPA	35
4.5	Semester pengajian responden	36
4.6	Pandangan pelajar terhadap bimbingan dan kaunseling	37
4.7	Jantina kaunselor boleh mempengaruhi sikap pelajar terhadap bimbingan dan kaunseling	39
4.8	Pengetahuan pelajar mengenai kaunseling berasaskan web	41
4.9	Keperluan e-kaunseling	43
4.10	Min responden bagi semua aspek e-kaunseling	45

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Bilangan responden mengikut jantina	32
4.2	Peratusan responden mengikut peringkat umur	33
4.3	Peratusan responden mengikut bangsa	34
4.4	Peratusan mengikut CGPA	35
4.5	Peratusan responden mengikut semester	36
5.1	Model e-kaunseling	57
5.2	Model struktur laman web e-kaunseling	58



PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	HURAIAN PENUH
CGPA	- Cumulative Grade Point Average
CMCL	- Computer Mediated Collaborative Learning
ICA	- Internet Classroom Assistant
ICT	- Information Communication Technology
IPT	- Institut Pengajian Tinggi
KPK	- Komputer Pengantar Komunikasi
KUiTTHO	- Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
PTV	- Pendidikan Teknik dan Vokasional
SPSS	- Statistical Package For Social Sciences
TMK	- Teknologi Maklumat dan Komunikasi

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Analisis Skor Alpha Cronbach Kajian Rintis
- C Analisis Skor Alpha Cronbach Kajian Sebenar
- D Analisis Kekerapan



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Setiap rancangan pendidikan seharusnya beroperasi dengan andaian bahawa setiap pelajar mestilah berpeluang untuk mencapai perkembangan peribadi yang maksimum. Satu perkara yang perlu diberi perhatian ialah perkhidmatan pendidikan mestilah mengiktiraf matlamat-matlamat peribadi setiap pelajar dan menolong mereka membuat rumusan dengan jelas dan realistik. Dalam usaha memenuhi keperluan perkembangan pelajar mereka yang terlibat mungkin akan menghadapi beberapa masalah dan halangan dan memerlukan sokongan dan bantuan.

Dalam dunia pendidikan, nilai sokongan berorientasikan pelanggan merupakan satu daripada agenda wewujudkan budaya kerja cemerlang dalam pengisian wawasan pendidikan (Wan Mohd Zahid Mohd Nordin, 1994). Oleh itu, dunia pendidikan juga memerlukan strategi perkhidmatan selepas jualan untuk kepuasan maksimum pelajar yang merupakan pelanggan utama dalam organisasi pendidikan. Ini boleh dilakukan dengan kemudahan yang ada melalui teknologi terkini yang dapat meningkatkan sokongan tersebut.

Selain itu, menerusi inovasi pedagogi pendidikan wujudnya istilah pengkayaan yang memberi ruang kepada guru memberi aktiviti akademik tambahan kepada pelajar pintar dan pemulihan yang membolehkan guru memberi khidmat bantuan akademik kepada pelajar lemah (Ee Ah Meng, 1997). Khidmat perlu diberikan kepada pelajar yang memerlukannya.

Setiap pelajar mempunyai hak untuk mendapatkan penerangan yang tepat mengenai diri dan alam sekeliling, merencanakan aktiviti di dalam suasana yang tidak bersifat autokratik, mendapat perhatian individu dalam merancang matlamat sendiri dan mendapat bantuan yang tersusun bagi mencapai matlamat-matlamat tersebut (Aminah Hj. Hashim, 1984). Hak mereka perlu diberi dengan setulus mungkin supaya tidak tersisih dari semua aspek dan dari semua sudut perlu diambilkira supaya perkembangannya tidak terjejas.

Pada umumnya pelajar kurang berpuas hati dengan perkhidmatan kaunseling dalam situasi sukar menemui kaunselor di bilik, kaunselor sibuk dengan tugas lain dan berlaku bertembungan jadual kuliah dengan masa lapang kaunselor. Semoga dapatan kajian yang diutarakan dapat memberi gambaran kepada pihak pengurusan dan staf akademik di institusi pengajian tinggi bahawa kaedah penggunaan laman web berkonsepkan perkhidmatan kaunseling menjadi alternatif kepada *kaedah lazim* (bersemuka) untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan pensyarah selepas waktu pejabat demi kepuasan maksimum kepada pelajar (Ee Ah Meng, 1997).

Oleh yang demikian semua pihak perlu bekerjasama dalam mengatasi kemelut ini dengan mempertingkatkan pengetahuan tentang maklumat dan komunikasi supaya tidak terus ketinggalan. Dengan itu, bidang kaunseling boleh dipertingkatkan lagi perkhidmatannya dengan e-kaunseling yang berasaskan laman web supaya proses kaunseling dapat dijalankan dengan lebih efektif dan berkualiti (White, 1998).

1.1 Latar Belakang Masalah

Perkembangan dalam bidang sains dan teknologi terutamanya dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi sudah pasti akan mempengaruhi gaya persekitaran, inovasi dan reformasi bidang kaunseling. Satu contoh yang jelas ialah penggunaan internet dan *World Wide Web* (WWW) (Norafida Ithnin dan Othman Ibrahim, 2000). Kaunseling sekarang harus menuju ke arah pemupukan pemikiran kreatif dan inovatif yang berupaya menghasilkan individu-individu yang kreatif dan inovatif. Individu seperti ini mampu menangani pelbagai masalah dalam kehidupan mereka nanti. Kaunseling sekarang perlu berpusatkan kepada pelajar. Kaunselor hanya bertindak sebagai pembimbing sahaja dan yang lain dilakukan oleh pelajar sendiri (Baharuddin Aris *et al*, 2000).

Oleh yang demikian, kaunselor perlu mencari kaedah yang sesuai dan efektif supaya pelajar dapat dibimbing dengan baik dan bijaksana. Ini adalah disebabkan bebanan masa mengajar, bebanan tugas-tugas di luar bilik darjah dan tindakan guru-guru yang enggan bekerjasama kerana terancam dengan kehadiran kaunselor di sekolah-sekolah (Aminah Hj. Hashim, 1984). Tugas kaunselor bertambah berkesan sekiranya masalah ini dapat diatasi dengan baik dan teratur.

Perkhidmatan ini menghadapi berbagai rintangan antaranya ialah bebanan guru kaunseling dengan tugas sampingan. Seorang guru kaunseling terpaksa memikul berbagai-bagai tugas dan kerja sebagai seorang guru tidak boleh diabaikan begitu sahaja hanya kerana untuk menyelesaikan masalah pelajar (Mizan, 1987).

Kajian yang dibuat ke atas guru kaunseling oleh Loser dan Nichlos (1973), Lee (1980) dan Mizan (1987) mendapati guru kaunseling tidak mempunyai masa yang cukup untuk menjalankan tugas sebagai kaunselor dan menghadapi masalah yang rumit bagi menyesuaikan dengan pembelajaran dalam kelas. Kedua-dua tugas harus dipikul secara serentak dan mesti dijalankan dengan penuh tanggungjawab.

Dari sudut pelajar pula, kebanyakan pelajar-pelajar belum memahami peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, mendapati kebanyakan mereka kurang yakin terhadap kaunselor mereka. Pelajar-pelajar ini takut dicap sebagai pelajar bermasalah jika menemui kaunselor. Pelajar-pelajar ini juga didapati masih tidak bersifat terbuka dan merasai sukar untuk berbincang masalah mereka dengan kaunselor (Ah Kuan, 1985). Ini jelas sekali bahawa penglibatan pelajar yang bermasalah adalah kurang memberikan reaksi yang positif dan jalan penyelesaian harus dicari supaya mereka mahu berinteraksi dengan kaunselor.

Masalah yang lain pula yang timbul adalah pelajar yang berjumpa dengan kaunselor adalah kurang terutamanya lelaki. Hanya pelajar perempuan lebih cenderung berjumpa kaunselor perempuan jika dibandingkan dengan kaunselor lelaki (Noriah Ibrahim, 1983). Ini adalah atas dorongan yang kuat dalam diri pelajar perempuan untuk berjumpa kaunselor berbanding dengan pelajar lelaki yang begitu sukar berjumpa kaunselor dan faktor ego yang tinggi kerana takut dikatakan oleh rakan-rakan sebagai lelaki lemah.

Oleh yang demikian, satu kaedah yang dikenalpasti mampu membantu mengurangkan masalah di atas dengan wujudnya e-kaunseling berasaskan laman web yang hanya memerlukan pelajar mengakses ke laman web tersebut untuk berinteraksi dengan kaunselor. Ini dapat membantu menampung pelajar yang bermasalah tanpa berjumpa dengan kaunselor di bilik.

1.2 Pernyataan Masalah

Perkhidmatan kaunseling berasaskan laman web merupakan satu alternatif bagi membantu mengurangkan masalah kaunseling secara bersemuka. Kaunseling secara bersemuka merupakan kaedah yang digunakan sejak lama dahulu. Akibat daripada perkembangan pendidikan dan teknologi, kaedah tersebut memerlukan satu perubahan

bagi membantu dan menyelesaikan masalah dengan lebih cepat, praktikal dan menjimatkan. Kaedah bersemuka memerlukan pelanggan berjumpa dengan kaunselor. Adakalanya masa yang ada adalah terhad dan memerlukan masa yang lebih panjang untuk berbincang mengenai masalah yang dihadapi pelajar. Terdapat juga perasaan malu atau takut kepada kaunselor dalam diri pelajar. Faktor pertambahan bilangan pelajar juga mempengaruhi sesi kaunseling kerana terdapat ramai pelajar yang menghadapi masalah dan terdapat pelbagai karenah sedangkan bilangan kaunselor adalah terhad seperti yang berlaku di KUiTTHO yang mempunyai hanya 2 orang kaunselor sahaja. Kajian dibuat bagi mengenalpasti samada terdapat keperluan penggunaan e-kaunseling di kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di KUiTTHO.

1.3 Tujuan Kajian

Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk ;


- a) mengenalpasti sikap pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) KUiTTHO terhadap aktiviti unit bimbingan dan kaunseling.
- b) mengenalpasti sama ada jantina kaunselor boleh mempengaruhi sikap pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.
- c) mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) mengenai konsep kaunseling berasaskan web.
- d) mengenalpasti keperluan perkhidmatan e-kaunseling di kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) KUiTTHO.

1.4 Soalan Kajian

Di dalam kajian ini terdapat empat soalan kajian yang ingin dikaji iaitu ;

- a) adakah pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) KUiTTHO mempunyai sikap positif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling?
- b) adakah kaunselor mempengaruhi sikap pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di KUiTTHO.
- c) adakah pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) mempunyai pengetahuan di dalam konsep kaunseling berasaskan web?
- d) adakah e-kaunseling perlu diadakan di kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) KUiTTHO?

1.5 Kerangka Teori



1.6 Kepentingan Penyelidikan

Kajian ini cuba menjelaskan kedudukan sebenar sikap pelajar terhadap perkhidmatan e-kaunseling di institusi pengajian tinggi terutama di KUiTTHO. Sehubungan dengan itu diharapkan juga dapat memberikan kebaikan sepenuhnya kepada semua pihak khasnya kaunselor di KUiTTHO supaya dapat menjadikannya satu program bimbingan dan kaunseling yang paling berkesan di KUiTTHO di masa akan datang.

Menurut Rao (1991), komputer memainkan peranan yang penting dalam pendidikan, komputer berkemampuan membantu guru dalam :

- i. Membantu pengurusan kelas menjadi senang, kerja seperti nama, rekod pelajar, motivasi dan sebagainya.
- ii. Komputer boleh melibatkan pembelajaran individu serta pembelajaran kumpulan.
- iii. Komputer mencatat rekod perkembangan pelajar dan menyimpan secara sulit.
- iv. Membolehkan kerja mencari fail untuk rujukan dan panduan menjadi senang.
- v. Ruang interaksi antara pelajar dengan perkara yang dipelajari.

Kepentingan ini melibatkan institusi dan pelajar dengan komputer bagi menyelesaikan masalah dengan menggunakan teknologi terkini disamping dapat diaplikasi dalam perkhidmatan kaunseling secara efektif. Selari dengan pendapat Roa di atas yang mengatakan komputer dapat membantu dalam pengurusan menjadi lebih baik dan efektif. Oleh itu, wajar supaya sesi kaunseling menggunakan kemudahan yang ada seperti komputer, laman web dan internet bagi membantu sesi perkhidmatan kaunseling.

1.7 Skop Kajian

Kajian yang dijalankan hanya melibatkan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO), Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Masa yang diambil dalam kajian ini ialah dua semester. Kajian ini hanya menumpukan kepada keperluan perkhidmatan kaunseling berasaskan laman web di kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) KUiTTHO.

1.8 Batasan Kajian

Batasan kajian persepsi pelajar terhadap penggunaan laman web pendidikan ini ialah :

- (i) Tinjauan hanya dilakukan pada pelajar Sarjana Pendidikan (PTV) semester 3 sesi 2002/2003
- (ii) Tinjauan dilakukan di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO).

1.9 Definisi Istilah

1.9.1 Kaunseling Berasaskan Web (KBW)

Kaunseling melalui web adalah sebagai suatu bentuk kaunseling yang disampaikan kepada individu melalui rangkaian komputer dan dipaparkan melalui pelayar web. Ia merupakan kaunseling secara talian terus di mana maklumat yang disampaikan di dalam komputer pelayan sentiasa boleh dikemaskini, diakses oleh komputer pelanggan dan isi kandungannya dikawal oleh pembangun (Baharuddin *et al*, 2000).

1.9.2 Laman Web

Laman web pula merupakan sejenis aplikasi internet yang amat menarik. *World Wide Web* (WWW) merupakan sekumpulan dokumen multimedia yang disambung menggunakan 'hyperlinks' (Nelson, 1996). Manakala menurut Grall (1997), laman web adalah bahagian yang paling inovatif dalam internet. Laman web menyediakan halaman multimedia yang digubah dengan teks, grafik, bunyi dan video. Ia menggunakan jalinan 'hypertext' yang membenarkan pengguna melayari satu bahagian ke satu bahagian yang lain dalam laman web.

1.9.3 Internet

Internet ialah suatu teknologi jaringan komunikasi yang membolehkan komputer berhubung di antara satu sama lain untuk berkongsi maklumat dan bentuk pembelajaran peringkat tertinggi (Daing, Silong dan Gan, 1997).

1.9.4 Perbezaan Individu

Variasi atau kelainan individu dari norma dari norma kumpulannya sama ada dari sifat-sifat mental, emosi, fizikal, bakat dan aspek-aspek lain yang mungkin terdapat di kalangan individu dalam sesuatu kumpulan (Dictionary Of Psychology 1973, m/s 122).

1.9.5 Bimbingan

Bimbingan ini adalah sebahagian program pendidikan yang menyediakan program-program dan peluang-peluang perkhidmatan yang khusus untuk membolehkan setiap inividu mengembangkan potensi dan kemampuannya ke tahap yang maksimum secara demokrasi (Aminah Hj. Hashim, 1966).

1.9.6 Kaunselor

Pengamal kaunseling untuk menolong individu memahami diri mereka serta sekeliling mereka (Shertz dan Stone, 1992).

1.9.7 Kaunseling

Proses interpersonal di antara kaunselor dengan pelanggan yang cuba mambantu mengatasi masalah mereka dalam bidang pendidikan, hubungan keluarga dan lain-lain (Enseck, Wurzburg dan Berne, 1973). Kaunseling juga didefinisikan sebagai proses individu belajar tentang dirinya serta hubungan dalam dirinya lalu menentukan tingkahlaku yang dapat memajukan perkembangan peribadinya (Aminah Hj. Hashim, 1992). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kaunseling adalah interaksi antara kaunselor dengan individu untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh individu tersebut.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Kajian mengenai sikap pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling ini telah banyak dilakukan oleh ramai penyelidik samada dari dalam negeri atau pun luar negeri tetapi kajian mengenai perkhidmatan e-kaunseling tidak banyak dilakukan dalam membantu pelajar menyelesaikan masalah melalui laman web.

Para penyelidik telah mula menyedari betapa pentingnya perkhidmatan e-kaunseling ini kepada pelajar sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah dan di peringkat institusi-institusi pengajian tinggi.

Kajian dilakukan untuk membantu perkhidmatan kaunseling menjadi lebih baik. Diharapkan daripada kajian ini pelajar yang bermasalah dapat diatasi dengan wujudnya e-kaunseling demi meningkatkan dan mengekalkan prestasi akademik pelajar di KUiTTHO.

2.1 Perkhidmatan Kaunseling

Perkhidmatan ini bertujuan untuk membantu pelajar dalam proses perkembangannya untuk memperoleh penyesuaian pendidikan, vokasional dan peribadi sosial yang optimum. Perkhidmatan ini perlu dilakukan oleh orang yang berkelayakan dan mempunyai latihan amali yang cukup dalam menjalankan sesi kaunseling. Ia boleh dilakukan oleh seorang kaunselor, guru bimbingan, guru atau pentadbir tetapi apa yang penting ialah orang itu perlu mempunyai pengetahuan, latihan dan kemahiran yang cukup dalam memberikan kaunseling. Kemahiran kaunseling penting bagi orang yang memberikan kaunseling untuk memastikan bahawa bantuan yang diberikan itu memberikan kebaikan dan manfaat kepada pelajar dan bukannya merosakkannya lagi (Shertner *et al*, 1992).

Kaunseling mungkin lebih berjaya jika kaunselor ada cukup maklumat tentang kelebihan dan kelemahan individu yang datang untuk mendapatkan kaunseling. Ia melibatkan pertemuan bersemuka atau satu siri pertemuan bersemuka antara kaunselor dan di mana mungkin melibatkan pentadbiran ujian psikologi tertentu. Kaunseling ialah satu perkhidmatan penting dalam program bimbingan kerana ia sangat berguna untuk memperjelaskan masalah dan mendapatkan penyelesaian yang paling baik (Zahari Ahmad, 1987).

2.1.1 Rasional Mengadakan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling

Perkhidmatan bimbingan pada semua peringkat pendidikan sama ada sekolah rendah, sekolah menengah atau institusi pengajian tinggi merupakan satu bentuk perkhidmatan peribadi. Tujuannya adalah untuk memberi bantuan kepada individu untuk membuat pilihan dan penyesuaian dalam hidupnya. Di negara kita seperti juga negara maju dan juga negara lain terdapat banyak faktor dan situasi yang menyebabkan keperluan yang tidak boleh ditangguhkan lagi untuk mengadakan atau mengukuhkan lagi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di pusat pengajian tinggi demi memenuhi berbagai-bagai keperluan pelajar (Zahari Ahmad, 1987). Antara sebab mengapa

perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini perlu diadakan dan dikukuhkan di pusat pengajian ialah ;

- i. membantu pelajar berkembang dalam semua bidang.
- ii. membolehkan pelajar membuat pilihan yang sesuai pada semua peringkat pembelajaran mereka.
- iii. menolong pelajar membuat pilihan kerjaya dan membuat persediaan sebelum memasuki kerjaya yang telah dipilih.
- iv. menolong pelajar dalam perkembangan kerjayanya.
- v. menolong pelajar membuat penyesuaian yang paling baik.
- vi. menambah usaha yang dilakukan oleh ibu bapa di rumah.
- vii. meminimumkan salah penerapan antara pendidikan dan penggunaan tenaga manusia dan membantu mencapai penggunaan tenaga manusia yang paling berkesan.
- viii. mengenalpasti dan memotivasi pelajar dari lapisan masyarakat yang kurang bernasib baik.
- ix. mengenalpasti dan menolong pelajar yang memerlukan pertolongan khas.

2.1.2 Bimbingan Pelajaran

Bimbingan pelajaran merupakan bantuan yang diberikan kepada pelajar secara perseorangan atau secara berkumpulan untuk membolehkan pelajar berfungsi dengan lebih berkesan lagi dan menggunakan segala kebolehan dan potensinya untuk belajar. Bimbingan pelajaran bertujuan untuk membantu pelajar mengenali keperluan semasa pendidikannya dan juga keperluan pendidikannya pada masa akan datang serta membantunya mengenalpasti peluang pendidikan (Roeber *et al*, 1997). Oleh itu, tujuan tumpuan bimbingan pelajaran ialah untuk mewujudkan pertumbuhan individu melalui pengarahan sendiri. Ia mempunyai hubungan rapat dengan setiap aspek termasuk kurikulum dan kaedah pengajaran, dan juga keluarga dan masyarakat.

2.1.3 Bimbingan Kerjaya

Bimbingan kerjaya merupakan bidang yang perlu diberikan perhatian dan penekanan dalam sistem pendidikan negara kita sekarang. Ini kerana terdapatnya kesukaran untuk menempatkan lepasan sekolah atau lulusan institusi pengajian tinggi dalam pekerjaan. Dalam kata lain, wujud masalah pengangguran di kalangan mereka yang berpelajaran. Memandangkan hal ini bimbingan yang berkesan dalam bidang kerjaya sangat-sangat diperlukan supaya pelajar dapat membuat persediaan untuk melayakkan diri bagi memasuki bidang yang memerlukan tenaga mahir (Awang Mat Ali, 1979). Secara tidak langsung tenaga mereka dapat disalurkan ke bidang-bidang yang kekurangan tenaga kerja.

2.1.4 Bimbingan Peribadi dan Sosial

Satu lagi jenis bimbingan yang penting dan tidak harus diabaikan di peringkat sekolah menengah dan peringkat selepas itu ialah bimbingan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan sosial, rakan sebaya, sekolah, masyarakat dan persekitaran. Keperluan serta keinginan psikologi kanak-kanak dan para remaja, masalah penyesuaian dengan orang lain adalah penting. Keperluan dan masalah ini kadang-kadang dipandang ringan atau tidak diberikan perhatian langsung dalam sistem pendidikan yang berbentuk *mass education* seperti yang terdapat di negara kita. Keperluan dan masalah ini perlu diberikan perhatian dengan cara yang lebih teratur di sekolah dan institusi pengajian tinggi (F. Lascio, Wayne (1995).

2.2 Internet

Internet juga merupakan rangkaian disambung bersama dan dibangunkan ke atas sekumpulan jaringan seluruh dunia di mana jaringan tersebut mengandungi banyak jenis kumpulan yang berbeza. Jaringan-jaringan itu dirangkaikan bersama-sama dan aktiviti

komunikasi dilakukan dengan menggunakan satu protokol utama dinamakan protokol kawalan transmisi protokol internet atau TCP/IP (Transmission Control Protokol/Individual Protocol) dan komunikasi wujud dalam dua hala (Hizamuddin, 1999).

2.3 Laman Web

Ciri web yang menarik dan unik memberikan kelebihan berbanding dengan kaunseling di dalam bilik. Sesi kaunseling yang disampaikan secara talian terus (on-line) menghasilkan peluang kepada pelajar untuk berinteraksi, mengawal maklumat, memberi dan menerima maklumbalas tentang masalah yang hendak disampaikan (Baharuddin *et al*, 2000).

Laman web pula telah menguasai dalam sektor pendidikan, perniagaan dan komunikasi personal. Oleh itu, laman web yang menarik akan dapat memberikan motivasi kepada pengguna secara tidak langsung, ini dapat menarik pelajar mengunjungi laman web tersebut (White, 1998).

2.4 Definisi Pembelajaran Melalui Web

Perkembangan teknologi internet memberikan manfaat kepada para pendidik dalam menghasilkan pengajaran yang lebih efektif (Jenning & Dirksen, 1997). Pembelajaran melalui web bertujuan bagi memudahkan penghantaran bahan pengajaran kepada pelajar tanpa terikat kepada faktor lain seperti masa.

Pembelajaran melalui web adalah merupakan suatu bentuk pembelajaran berasaskan hipermedia yang dihimpunkan sebagai suatu sumber di dalam tanpa medium web untuk menghasilkan pembelajaran yang berkesan (Khan, 1997).

Pembelajaran melalui web merupakan suatu medium penghantaran maklumat yang terdiri daripada pelbagai jenis maklumat dan tajuk (McManus, 1996). Segala maklumat yang terdapat dalam web disusun berdasarkan pautan nod melalui sistem rangkaian dalam mempersembahkan pengetahuan.

2.5 Pembelajaran Melalui Web

Penggunaan halaman web dalam pendidikan memberikan peluang kepada pendidik menyampaikan dan menerbitkan bahan pengajaran secara talian terus. Selain daripada itu, penggunaan web dalam pendidikan memberikan sumber maklumat tanpa sempadan kepada pendidik. Menurut Crossman (1997), internet mempunyai ciri yang pelbagai dan unik. Menurut beliau sumber maklumat yang terdapat dalam internet mempunyai kapasiti yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan sebuah perpustakaan yang besar. Dengan hanya menggunakan enjin pencarian, segala maklumat dapat dicapai dalam hanya beberapa minit sahaja.

Peranan internet bukan hanya sebagai penyampai maklumat tetapi juga merupakan alat pengajaran dan pembelajaran. Romiszowski (1997), menyenaraikan beberapa ciri istimewa yang terdapat dalam internet sebagai alat pengajaran dan pembelajaran iaitu ianya bersifat terarah sendiri dan pembelajaran boleh dijalankan pada bila-bila masa tanpa terikat pada faktor masa. Selain daripada itu, internet juga bersifat terarah sendiri dalam mencapai ilmu pengetahuan dan hipermedia, mewujudkan kemahiran kognitif dalam memproses maklumat serta kemahiran penyelesaian masalah secara kreatif. Ini boleh dilakukan dengan penggunaan teknologi internet seperti

multimedia, hipermedia dan web serta penggunaan komputer sebagai pengantar komunikasi.

Ciri web yang unik juga memberikan kelebihan berbanding dengan pengajaran di dalam kelas tradisional. Menurut Rellan dan Gilani (1997), terdapat beberapa perbezaan yang ketara di antara kelas tradisional dan pembelajaran melalui web iaitu faktor ruang dan sempadan yang tiada batasan serta menjadikan proses pembelajaran jarak jauh lebih berkesan dan efektif (Hill, 1997). Di samping itu, pembelajaran melalui web juga memberikan kawalan pengguna yang tinggi melalui penggunaan hiperteks dan hipermedia, sumber maklumat yang tidak terhingga serta menghasilkan persekitaran pembelajaran yang bercirikan dunia sebenar. Ciri istimewa yang terdapat pada web juga dapat menjadikannya persekitaran pembelajaran yang mantap dan berkesan. Ini disebabkan kerana internet dapat memberikan kemudahan mengakses maklumat dengan cepat pada bila-bila masa dan mewujudkan proses penjelajahan melalui sistem hipermedia dan hiperteks (Hedberg, Brown & Arighi, 1997). Di samping itu, ia juga dapat menyumbangkan interaktiviti yang tinggi dan kawalan pengguna yang baik.

Sherry dan Wilson (1997), berpendapat, pembelajaran melalui web akan menjadikan suatu perubahan paradigma kepada komunikasi antara guru dengan pelajar dan pelajar dengan pelajar. Komunikasi yang wujud mungkin tidak sama seperti di dalam kelas tradisional tetapi ianya berlaku dalam persekitaran web. Persekitaran pembelajaran melalui web juga harus mengandungi sumber maklumat yang pelbagai, menyokong kerjasama antara pelajar dan menjalankan aktiviti web sebagai salah satu daripada proses pembelajaran. Menurut Star (1997), sesi pembelajaran yang disampaikan secara talian terus (*online*) menghasilkan peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan guru, mengawal maklumat yang diproses oleh guru, memberi dan menerima maklumbalas tentang pengetahuan yang disampaikan. Dalam kajian ini, aplikasi yang boleh digunakan dalam e-kaunseling adalah penggunaan internet dalam hipermedia dan hiperteks boleh digunakan untuk menjadikan sesi kaunseling berasaskan web lebih berkesan dan efektif berbanding dengan cara bersemuka dengan kaunselor (cara lazim).

2.6 Model-Model Web Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P)

Duschastel (1997), pula mencadangkan kerangka motivasi bagi pengajaran melalui web. Kerangka teori cadangan beliau diadaptasi daripada model pembelajaran iaitu Model ARCS (attention, relevan, confident dan satisfaction). Beliau juga mengaitkan keempat-empat elemen di atas dengan pengajaran melalui web serta menghuraikan peranannya dalam memotivasikan pelajar.

Mclellan (1997), pula mengadaptasi *Model Schrage* ke dalam pembelajaran melalui web bagi menghasilkan pembelajaran yang efektif dan berkesan. Model Schrage menekankan pentingnya unsur kolaborasi melalui perkongsian pengalaman dalam proses perbincangan dan bertukar fikiran. Dalam menggunakan model-model di atas kita boleh mengaplikasikan dalam model e-kaunseling dengan cara lebih baik iaitu proses perkongsian, perbincangan dan bertukar pendapat antara ahli dalam sesi perbincangan kumpulan berasaskan laman web dengan lebih bijak.

2.7 Komunikasi Antara Pelajar

Menurut Romiszowki dan Mason (1996), komputer-pengantar komunikasi (KPK) didefinisikan sebagai komunikasi di antara suatu kawasan berbeza yang dipisahkan oleh ruang dan masa dan dihubungkan dengan rangkaian komputer. KPK juga merupakan suatu singkatan bagi kepelbagaian sistem yang membenarkan individu berkomunikasi dengan individu lain melalui komputer dan sistem rangkaian. Contoh bagi KPK adalah sistem persidangan video, mel elektronik, perbincangan dan papan buletin. Terdapat tiga ciri penting dalam KPK iaitu :

- i) komunikasi interaktif yang tinggi
KPK memberikan proses interaktif yang kompleks antara peserta serta melibatkan penyertaan individu yang tinggi. KPK juga membenarkan proses interaksi yang fleksibel melalui proses perbincangan maya.

- ii) komunikasi pelbagai hala
proses komunikasi dalam sistem KPK adalah bersifat pelbagai hala. Ciri yang terdapat dalam KPK memberikan peluang kepada kumpulan pelajar untuk membina pengetahuan bersama melalui interaksi antara satu sama lain (Warschuer, 1997).

- iii) komunikasi secara serentak (*synchronous*) dan tidak serentak (*asynchronous*)
proses komunikasi adalah secara serentak di mana pelajar dapat berkomunikasi secara masa sebenar (*real time*) manakala komunikasi secara tidak serentak adalah merupakan proses komunikasi antara individu bukan dalam masa sebenar.

Menurut beliau lagi, kesan penggunaan KPK ke atas pembelajaran perlu diambilkira bagi mewujudkan suasana dan persekitaran yang bermakna. Aplikasinya dalam sesi e-kaunseling boleh digunakan dengan menggunakan KPK sebagai alat perhubungan antara klien dengan kaunselornya dan dapat melibatkan rakan yang lain memberikan pandangan dan nasihat berguna serta pengalaman rakan yang lain yang boleh dijadikan sempadan dan tauladan.

2.8 Internet Classroom Assistant (ICA) Nicenet

Perkembangan ICT hari menghendaki proses pendidikan dalam sistem pendidikan negara mengadaptasikan dirinya dengan suasana baru. Pengajaran dan pembelajaran yang berorientasikan “*manual*” sering dianggap ketinggalan zaman dan tidak dapat memenuhi kehendak dan tuntutan sistem pendidikan seluruhnya. Semua bidang dalam sistem pendidikan negara perlu “dipaksa” untuk memanfaatkan teknologi terbaru dalam ICT bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran mereka (Hussain Hj. Othman, 2001). ICT perlu dibangunkan dengan segera supaya sistem pendidikan di institut-institut pengajian seperti KUiTTHO sendiri perlukan teknologi yang canggih untuk bersaing dan membantu pelajarnya.

Penggunaan ICT adalah terlalu baru bagi pelajar dan pensyarah terutama dalam bidang kaunseling. Ini adalah kerana tidak ramai pensyarah atau pelajar yang mampu dan mahu mengendalikan kelas pengajaran mereka dengan menggunakan ICA. Ini mungkin disebabkan faktor-faktor kemahiran dan kemudahan yang agak terhad serta kurangnya kesedaran tentang pentingnya teknologi ICT dimanfaatkan sepenuhnya (Hussain Hj. Othman, 2001).

Hasil dari satu kajian yang telah dibuat tentang ICA nicenet pelajar mendapati bahawa perisian nicenet mudah diakses, paparan ICA nicenet menarik dan tidak perlu demo (Hussain Hj. Othman, 2001). Maka itu, perisian nicenet dapat diaplikasikan dengan baik sekiranya diselenggarakan dengan berkesan dan teratur. Begitu juga dengan perisian e-kaunseling melalui nicenet akan menjadi lebih berkesan sekiranya faktor-faktor yang menghalangnya dapat diatasi dan dikemaskinikan dengan baik.

2.9 Perkhidmatan Kaunseling

Pada tahun 1960, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan pekeliling yang menekankan pentingnya bimbingan vokasional di sekolah dan perlunya mempunyai guru kerjaya di sekolah. Pada tahun 1969 telah diadakan kursus dalam perkhidmatan iaitu Peranan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Kursus ini diadakan buat kali pertama selama enam hari. Kursus ini dihadiri oleh 275 orang guru dan diadakan dengan bantuan UNICEF.

Kesanggupan pelajar-pelajar menerima perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah lebih baik di pusat-pusat pengajian tinggi kerana kematangan pemikiran dan perasaan yang ada pada setiap pelajar (Aziz Salleh, 1984).

Pelajar dan pensyarah yang terlibat secara langsung dengan pendidikan kaunseling mendapati perkhidmatan kaunseling terhadap soal peribadi kurang sesuai akan tetapi lebih berjaya dalam menyelesaikan masalah yang berhubung dengan akademik dan kerjaya (Resnick dan Galso, 1971).

Bimbingan dan kaunseling mempunyai tujuan atau matlamat tertentu yang hendak dicapai. Abdul Latif (1982) dan Tang Chee Yee (1993) menyatakan tujuan kaunseling adalah ;

- i. menolong murid-murid membuat penyesuaian peribadi, sosial, emosi dan akademik dengan persekitaran sekolah, peraturan-peraturan tatatertib dan sebagainya.
- ii. mengadakan peluang-peluang untuk tiap-tiap orang murid mengembangkan daya kebolehan dirinya mengikut kesanggupan dan kebolehan mereka.
- iii. memberi khidmat bimbingan dan rundingan bagi mengatasi masalah-masalah pendidikan, sosial, emosi dan sebagainya.

Kaunselor mesti mempunyai kemahiran kepakaran dan cukup pengetahuan dalam menangani segala kemuskilan dan permasalahan yang timbul dan cara penyelesaian yang diambil harus dapat memberikan sesuatu yang lebih positif. Keadaan ini membolehkan untuk membantu para remaja khususnya pelajar dalam menghadapi zaman remajanya (Chiam dan Fatimah, 1983).

2.10 Bimbingan Dan Kaunseling

Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling merupakan perkhidmatan untuk memperkembangkan diri. Dalam sesi kaunseling individu misalnya, walau apa pun tajuk perbincangan antara pelanggan dengan kaunselor, pada dasarnya kaunselor berusaha membina dan mengukuhkan pertumbuhan psikologikal yang sihat dengan menggalakkan penerokaan diri yang objektif (Bocher, 1980). Kaunselor membantu klien melihat dan menyedari fakta yang menimbulkan masalah dan mencungkil kesedaran dan keupayaan diri dalam mencari penyelesaian. Maka peranan kedua-dua pihak perlu bagi mengatasi masalah tersebut.

Peranan guru bimbingan di sekolah tersangat luas dan memerlukan kemahiran khusus, pengalaman dan masa dan dalam banyak keadaan memerlukan wang ringgit. Dalam hal ini guru-guru sebagai pendidik diharapkan mempunyai pengetahuan berkaitan bimbingan dan kaunseling serta memahami tugas kaunselor (Zulkifli, 1988).

Bimbingan adalah sebagai satu set perkhidmatan yang berkaitan oleh guru kaunseling atau kaunselor untuk pelajar atau individu-individu yang perlukan bimbingan agar perkembangan mereka tidak terencat (Amir Awang, 1980).

2.11 E-Kaunseling

E-kaunseling adalah satu perkhidmatan kaunseling menggunakan internet untuk menjadikan perhubungan di antara kaunselor lebih mudah, selesa dan senang. Tanpa perlu meninggalkan rumah, individu boleh mendapatkan perkhidmatan secara langsung dengan kaunselor yang bertauliah yang dapat membantu setiap pelanggannya. Walau bagaimanapun e-kaunseling bukanlah pengganti kepada cara tradisional iaitu pertemuan secara temujanji. Sekiranya masalah yang dihadapi adalah serius, dinasihatkan supaya berjumpa dengan pihak yang terbabit.

E-kaunseling adalah merupakan satu peluang dan satu cara bagaimana kaunseling boleh dilakukan tanpa berjumpa dengan kaunselor secara bersemuka. Ia juga peluang untuk sesiapa sahaja yang tidak pernah mencuba untuk mendapatkan faedah yang telah diperolehi oleh orang lain. Kaunseling dapat membantu pelajar yang bermasalah secara teorinya (Kamarulzaman b. Mohd Kutty, 2000).

Jelas bahawa perkhidmatan kaunseling penting di institusi-institusi pengajian tinggi terutama di KUiTTHO. Sifat semulajadi remaja yang kurang berkeyakinan pada diri sendiri menyebabkan perkhidmatan kaunseling tidak diberi perhatian yang utama oleh mereka.

Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas kita dapat melihat dengan jelas satu alternatif kepada kaunseling sekarang dengan cara lama iaitu berjumpa dengan kaunselor tidak efektif lagi dan memerlukan alternatif yang lain dan lebih baik. E-kaunseling berasaskan laman web adalah satu alternatif yang terbaik bagi menampung pelajar yang semakin ramai yang memerlukan nasihat dan dorongan. Maka dengan wujudnya e-kaunseling akan dapat membantu mengatasi masalah ini.

2.12 Kesimpulan

Kesimpulannya bahawa perkhidmatan kaunseling memerlukan kaedah yang sesuai supaya pelajar dapat menyelesaikan masalah mereka tanpa berjumpa kaunselor sebagai penyelesaian kepada penyebabnya pelajar tidak berjumpa dengan kaunselor. Di harapkan segala masalah yang dihadapi oleh pelajar dan pensyarah serta kaunselor dapat diatasi dan seterusnya membantu mereka dengan lebih berkesan.

Hasil kajian yang telah dilakukan telah mendapati kepentingan e-kaunseling berasaskan laman web ini memang diperlukan oleh pendidik-pendidik seperti yang telah dibuktikan. Hasil kajian didapati secara keseluruhannya guru kaunseling telah menunjukkan sikap yang positif terhadap aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam amalan harian mereka. E-kaunseling merupakan suatu trend masa depan. Penggunaan aplikasi TMK yang rendah menunjukkan keperluan kepada suatu bentuk pendedahan atau latihan khusus dilaksanakan. Pihak IPT dan Persatuan Kaunseling Malaysia perlu mengambil inisiatif ke arah ini. Contoh amalan aplikasi TMK dalam kaunseling (seperti E-kaunseling) yang berjaya perlu ditonjolkan oleh pihak berkaitan (Wan Salihin Wong Abdullah dan Baharuddin Ismail, 2000).

Oleh itu, e-kaunseling adalah perlu bagi setiap IPT untuk memajukan bidang pendidikan di negara kita bagi mewujudkan pelajar-pelajar yang berdaya saing dan cemerlang.

SENARAI DOKUMEN RUJUKAN

- Alias Baba (1999). "Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan Dan Sains Sosial." Edisi Pertama. Selangor : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Rashid B. Osman (1992). "Tinjauan Sejauhmanakah Komputer Digunakan di Kalangan Guru-guru Sekolah Menengah di Johor." Universiti Teknologi Malaysia.
- Aminah Hj. Hashim (1984). "Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka .
- Awang Mat Ali (1979). "Sikap Mahasiswa Terhadap Rundingcara Pelajar : Satu Kajian Kes." Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baharuddin Aris, Nora Affandy Yahya, Jamaluddin Hj. Harun dan Zaidatun (2000). "Siri Modul Pembelajaran Teknologi Pendidikan Dari Yang Tradisi Kepada Yang Terkini....." Skudai, Johor : Jabatan Multimedia Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ee, Ah Meng (1997). "Kurikulum Dan Pengurusan Bilik Darjah ". Shah Alam. : Fajar Bakti Sdn Bhd.
- F, Fercival (1994). "Buku Panduan Teknologi Pendidikan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- F. Cascio, Wayne (1995). "Managing Human Resource : Productivity, Quality of work Life, Profit (fourth edition)". United State Of America : Mc Graw-Hill, Inc.

- Hizamuddin b Awang (1998). "Kebebasan Bersuara : Internet dan Masyarakat Malaysia." Majalah PC, Okt jilid 34 52-53.
- Hussain Hj. Othman (2001). "Pembelajaran Secara "Online": Tinjauan Terhadap Perbincangan Isu-isu Sosial dan Agama Dalam ICA Nicenet Di Kalangan Pelajar Sarjana Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO)." KUiTTHO.
- Hussain Mahmud (1997). "Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Edisi Pertama. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Salleh Abu Zaidatun Tasir (2001). "Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer: SPSS 10.0 For Windows." Edisi pertama. Kuala Lumpur : Venton Publishing.
- Mohd Yusop Abd. Hadi (2000). "Kepimpinan Pensyarah Dalam Pengajaran Berbantuan Komputer, Satu Kajian Kes Daripada Perpektif Pelajar IPT." Kertas Kerja di Seminar Pendidikan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI).
- Nik Azis Nik Pa (1989). "Penggunaan dan Penganalisaan Data Berkomputer dalam Pentadbiran Sekolah, Kertas Kerja Simposium Penggunaan Komputer dalam Pendidikan." Universiti Teknologi Malaysia.
- Norafida Ithnin Othman Ibrahim (2000). "E-Pembelajaran Secara Lansung (Live E-Learning) Dalam Pembelajaran Maya." dlm. "Prosiding Konvensyen Pendidikan UTM 2000." Universiti Teknologi Malaysia.

Noriah Ibrahim (1983). "Persepsi Pelajar Terhadap Kaunselor dan Kesannya Ke Atas Minat Mereka Untuk Menemui Kaunselor." Universiti Kebangsaan Malaysia : Latihan Ilmiah.

Roeber *et al*, (1997). "Peranan Perkhidmatan Pelajar dalam Pendidikan.." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shertner, Bruce dan Shirley (1992). "Asas-asas Bimbingan". Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Thompson, S.J. *et al* (2001). "Decision making In Planning and Teaching." USA : Addison-Weskey Educational Publisher Inc.

Uma Sekaran (1992). "Research Method For Business : A Skill-Building Approach." 2nd Edition. United States Of America : John Wiley & Sons Inc.

Wan Mohd Zahid Mohd Nordin (1994). "Wawasan Pendidikan, Agenda Pengisian." Kuala Lumpur : Cahaya Pantai Publishing (M) Sdn Bhd.

Warshaur, M. (1997). "Computer-Mediated Collaborative Learning : Theory and Practice Language Journal. 81 (3) p 470-481.
<http://www.111.hawaii.edu/web/faculty/markw/cmcl.html>.

Wan Salihin Wong Abdullah dan Baharuddin Ismail, 2000. "Tahap Penggunaan dan Kepentingan Aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi di Kalangan Guru Kaunseling di Sekolah". Kuala Terengganu : Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia (KUSTEM).

White, R (1998). "How Computer Work." Indianapolis. Mac, Millan Computer. Publishing.

Ryan, S. *et al* (2000). "The Virtual University : The Internet and Resource-Based Learning." Kogan Page : London.

Yusup Hashim (2000). "Gaya dan Amalan Pembelajaran Elektronik di Institusi Pengajian Tinggi : Satu Cadangan." Johor : Universiti Telnologi Malaysia

Zahari Ahmad (1987). "Bimbingan dan Kaunseling Di Sekolah". Kuala Lumpur : Fajar Bakti.

Zaidatun Tasir dan Yap Sao Wen (2000). "Reka Bentuk Perisian Multimedia Berasaskan Teori Pembelajaran, Pendapat Tenaga Pengajar dan Pelajar serta Prinsip Reka Bentuk." Johor : Universiti Teknologi Malaysia.

